# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 6 | RABU 6HB FEBRUARI, 1980. | 1400 رابو 19 ربيع‌الاول | PERCHUMA




KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika melafadzkan titah di-perhimpunan Maulud di-Padang Besar Bandar Seri Begawan pada hari Rabu lalu.

# ORANG ISLAM BERKEWAJIPAN MENGHAYATI AJARAN ISLAM DALAM KEHIDUPAN SA-HARI2

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menjelaskan sa-bagai orang Islam kita ada-lah berkewajipan untok menghayati sa-benar2-nya ajaran itu dalam kehidupan kita sa-hari2 dengan penoh keikhlasan.**

Titah Baginda, Allah s.w.t. sentiasa melihat serta mengetahui gerak hati kita dalam apa jua perbuatan yang ikhlas mahu pun sebalek-nya.

Kerana itu pada pendapat Baginda 'MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN' yang menjadi thema Maulud tahun ini merupakan suatu rangkaian kata2 yang boleh menjadi pegangan hidup bagi satiap diri orang Islam yang sa-jati.

"Sebab, dengan dorongan keikhlasan yang sa-benar2-nya kerana Allah itu, maka hidup kita dengan izin-Nya jua akan di-restui," titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di-perhimpunan Maulud di-sini pada hari Rabu yang lalu.

Terdahulu dari itu Baginda menyatakan rasa sukachita atas perhimpunan yang di-perlihatkan oleh umat Islam di-negeri ini sa-mata2 kerana memperingati dan merayakan hari lahir junjongan kita yang telah menjadi suatu chara hidup kita di-sini pada menjunjong tinggi pemimpin kita Nabi Mohammad.

"Kita merayakan hari Maulud Nabi Muhammad s.a.w. ia-lah kerana menge-

Lihat muka 17

## Lebeh 44 ribu sertai perarakan Maulud di-seluroh negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perayaan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. telah di-adakan sa-rentak di-seluroh negeri pada hari Rabu 30hb Januari bersamaan dengan 12hb Rabiel Awal, 1400 Hijrah.

Di-Daerah Brunei dan Muara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat berchemar duli bagi menyertai perhimpunan Maulud Nabi s.a.w. yang di-adakan di-Padang Besar di-ibu negeri.

Turut berangkat menyertai perhimpunan itu termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran2 Anak Puteri.

Perhimpunan yang di-adakan di-Padang Besar itu telah di-sertai oleh lebeh dari 30,000 orang umat Islam yang terdiri dari murid2 dan penuntut2 sekolah, jabatan2 kerajaan, persatuan2 belia, kampong2, kelas2 dewasa, pertubohan2 awam serta sharikat2 swasta.

Perhimpunan pada pagi itu telah di-mulakan dengan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an oleh Awang Haji Mohd Yusof bin Abu Bakar dan di-ikuti dengan sembah alu2an oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin.

Ini kemudian-nya di-ikuti oleh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang kemudian-nya Baginda Yang Dipertuan berkenan berangkat berchemar duli untok bersalaman dengan ketua2 pasokan yang mengambil bahagian.

Sa-lepas itu bachaan Marhaban beramai2 yang di-ketuai oleh pegawai2

Lihat muka 17

## Tanamkan sifat ikhlas dalam membuat suatu pekerjaan

PEKAN BANGAR. — Raayat dan pendudok di-negeri ini di-seru supaya berpegang tegoh dengan menanamkan sifat ikhlas dan membuat serta melaksanakan suatu pekerjaan itu dengan penoh keikhlasan.

Di-samping itu kita juga harus berdiri tegoh di-belakang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta mendokong kerajaan Baginda dengan penoh keikhlasan sematamata kerana Allah s.w.t. saperti yang di-ajarkan oleh Ugama Islam.

Seruan demikian di-buat oleh Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim ketika beruchap di-perhimpunan Sambutan Maulud Nabi yang telah di-adakan di-Padang Bangar Baru di-sini pada hari Rabu yang lalu.

Yang Teramat Berhormat menambah kata, bahawa keikhlasan tidak-lah hanya chukop dengan kata sahaja tetapi apa yang penting-nya ia-lah keikhlasan itu hendak-lah di-laksanakan dan di-kerjakan dengan bersunggoh2 dalam semua aspek perbuatan kita sa-hari2.

"Keikhlasan dalam melakukan sa-suatu kerana Allah bukan-lah bererti mengorbankan diri sendiri bahkan keikhlasan itu adalah terbit dari pancharan hati yang suchi dalam melakukan perbuatan kerana Allah dengan tidak mengira pangkat, keturunan, darjat dan sa-bagai-nya", tambah Yang Teramat Berhormat itu lagi.

Sifat ikhlas, jelas Yang Teramat Berhormat Pehin, tidak akan timbul dari hati yang tidak suchi. Hati yang tidak suchi ia-lah hati yang berkarat dan tidak ikhlas di-mana boleh merosakkan hati itu serta boleh menchemarkan perbuatan kita.

Menurut-nya, antara sifat2 yang tidak ikhlas itu ia-lah sifat hasad dengki, sifat membesarkan diri yakni takbur serta merasakan diri-nya lebeh sempurna daripada orang lain dan sifat yang suka menonjolkan diri di-khalayak ramai ia-itu ria'.

"Sifat2 yang tidak ikhlas atau sifat2 yang keji saperti hasad dengki, takbur, lain di-bibir lain di-hati, sebenar-nya ada-lah merupakan sifat2 yang boleh merosakan diri kita sendiri serta masharakat dan sifat yang sa-umpama itu ada-lah juga di-benchi oleh Allah s.w.t. yang mana ia-nya bertentangan dengan ajaran-Nya" ujar Yang Teramat Berhormat selanjutnya.

Menghayati Islam dengan penoh keikhlasan dari segi kepentingan negeri pula, kata Yang Teramat Berhormat itu lagi, ada-lah berkehendakan semua pegawai2 dan kakitangan kerajaan itu bersifat jujor, amanah dan ikhlas dalam menunaikan atau menjalankan tanggong-jawab masing2 kerana tanpa kejujoran dan keikhlasan dalam pentadbiran maka ia-nya akan mengakibatkan pentadbiran itu tidak akan dapat berjalan dengan lanchar dan lichin dan menjadikan pentadbiran itu menjadi lembab dan lumpoh.

Lihat muka 17

### Manis-nya Iman

**"JANGAN-LAH sa-seorang di-antara kamu memohonkan supaya ia di-matikan hanya kerana sa-suatu bahaya yang menimpa-nya. Kalau juga perlu ia memohonkan kerana takutkan fitnah benchana yang sudah pasti maka hendak-lah ia menguchapkan, Ya Allah! Hidupkan-lah aku kira-nya hidup itu terlebeh baik bagiku, dan matikan-lah aku kira-nya mati itu terlebeh baik bagiku." — HADITH Nabi riwayat Bukhari dan Muslim daripada Anas (r.a.)**

## Pemimpin2 KPRK di-ingatkan:

# SENTIASA BERASASKAN KEPERLUAN NEGARA — SUK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemimpin2 Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan negeri ini di-ingatkan supaya dalam mengatasi sa-suatu masaalah kesatuan mereka, akan sentiasa di-asaskan pada keperluan-nya menurut keadaan negeri ini dan bukan sa-bagai pak turut saperti apa yang di-lazimkan oleh kesatuan2 sekerja di-tempat lain.

Beruchap ketika merasmikan mashuarat agong tahunan kesatuan itu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menjelaskan kesatuan sekerja saperti juga badan2 kebajikan lain seharus-nya merupakan satu badan yang menjalankan

Lihat muka 20

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

6HB FEBRUARI, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

# MENEBALKAN SEMANGAT KEISLAMAN

SAMBUTAN Mauludun Nabi s.a.w. yang di-adakan serentak di-seluroh negeri pada minggu lalu tidak shak lagi telah dapat menimbulkan semangat yang lebeh kuat di-kalangan umat Islam soal menchintai ugama yang di-anuti. Perhimpunan2 besar itu ternyata merupakan satu chara penzahiran semangat itu dan sa-tiap keringat yang mengalir dari tuboh-badan umat Islam pada hari itu memberi erti dan kenangan yang besar betapa Islam itu di-hayati begitu rupa. Kerana kita yakin bahawa kumpolan2 perarakan yang begitu besar pada asas-nya bukan-lah pertunjokan biasa atau di-jadikan peluang "untok membanar-banarkan diri," tetapi ia-nya ada-lah sa-benar-nya suatu hamparan yang merupakan tempat yang sa-baik2-nya melaksanakan 'amal kerana Allah dan kerana ugama Allah. Walau apa pun anggapan, namun perlakuan yang baik atas dasar niat yang baik itu, insha-allah, tidak akan menerima pengabaian ganjaran baik juga, kerana Allah tetap berada di-pehak yang baik lagi benar. Kerana itu ada-lah tidak timbul soal menunjok-nunjok apa lagi membanar-banarkan diri atau kerana terdesak atau kerana takutkan orang lain, kerana kita perchaya dan yakin bahawa kumpolan besar umat Islam itu merayakan kelahiran Junjongan Besar Nabi Mohammad s.a.w. ada-lah di-tolak oleh semangat yang kuat dalam menchintai ugama Allah, apa lagi di-kalangan kita orang2 Brunei yang memang terkenal dengan azam dan tekat yang kuat dalam meninggikan shi'ar ugama Islam di-negara yang sa-memang-nya bersuasana Islam ini. Akan keutohan pegangan berugama ini, kita bershukor ka-hadhrat Allah yang telah mengorniakan taufik dan hidayat-nya ka-atas kita semua sa-hingga menjadikan diri kita sa-bagai orang Islam yang pantang di-gugat keIslaman-nya terutama-nya dalam keadaan sekarang ini.

"Maka kita dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala telah beruntong kerana dapat menganut ugama Islam dengan sa-baik2-nya dan insha-Allah, ugama Islam dengan ajaran2-nya itu akan kita turunkan kapada anak chuchu kita dengan chara yang lebeh berkesan supaya jenerasi akan datang boleh menghadapi dengan jaya-nya segala chabaran hidup yang penoh dengan godaan", demikian antara yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika bertitah di-perhimpunan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan minggu lalu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia memperingatkan bahawa ada-lah kewajipan umat Islam untok menghayati dengan sa-benar2-nya ajaran2 ugama Islam itu dalam kehidupan kita sa-hari2 dengan penoh keikhlasan. Baginda mengingatkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melihat serta mengetahui akan segala gerak hati kita manusia ini dan sentiasa mengetahui akan perbuatan2 kita sama ada yang ikhlas mahu pun yang kurang ikhlas.

Peringatan yang di-titahkan oleh Baginda itu ada-lah satu peringatan yang penting di-pegang oleh sa-tiap umat Islam dan dengan menjadikan peringatan itu sa-bagai satu 'amalan hidup, kita akan dapat mengelakkan sa-suatu yang kurang baik dan kita akan dapat menyingkirkan diri dari perbuatan2 yang bukan di-tuntut oleh ajaran2 Allah.

# Angka tunjok naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kenyataan dari Bahagian Perangkaan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, menunjokkan bahawa angka tunjok harga barang2 pengguna bagi bulan Nobember tahun lalu ia-lah 114.3 mata berbanding dengan 114.2 bagi bulan yang lalu dan ini menunjokkan kenaikan sa-banyak 0.1 peratus.

Kenaikan ini terutama-nya di-sebabkan oleh kenaikan harga bagi alat2 perabot, perhiasan dan kelengkapan rumah-tangga serta pemasangan serta pengangkutan dan perhubongan. Bagaimana pun harga, bagi barang2 makanan telah turun sementara angka2 tunjok harga bagi kumpolan2 pakaian, kasut, sewa kasar, bahan api dan tenaga, permainan, hiboran, pelajaran dan perkhidmatan2 kebudayaan serta barang2 dan perkhidmatan2 rampaian maseh tetap tidak berubah.

# PADA HEMAT SAYA....

## betapa masing2—

# TIDAK DAPAT MENENTUKAN

"KATA-LAH haiwan yang buas dan bisa. Memang-nya di-takuti pula, lalu di-jauhi, dan kalau perlu di-dekati untok di-jadikan hiboran maka ia di-bela dengan baik dan di-lateh . . . . ."

MATAHARI terbit pagi, dan apabila malam menjelang ia menghilang di-ufok senja.

Keadaan demikian sudah lama berulang. Belum pernah terjadi songsang dalam pertukaran malam dan siang.

Kita tahu matahari itu sangat berpengaroh kapada kehidupan. Kudrat dan kekuatan panas-nya pun kita tahu sangat menggerunkan sa-hingga di-dapati lain2 planet tidak sesuai dekat di-sisi-nya. Begitu pun, kehangatan panas-nya beserta sinar chahaya-nya itu-lah yang kita ketahui berpengaroh besar kapada kehidupan itu. Tapi tentu dalam kadar yang sesuai dan di-perlukan.

Tidak pula kita ketahui apa-kah pernah matahari yang gagah itu menentukan kehendak-nya, mithal-nya dengan mengatakan:

*"Hari ini aku mahu memancharkan sinarku ka-satu2 bahagian tumbohan bagi memberi-nya hidup subor, dan biar-lah tumbohan di-bahagian2 lain tidak mendapat sinar chahayaku supaya ia mati layu!"*

### TIDAK BERUPAYA

Tapi kita perchaya kalau pun ia pernah berhasrat demikian, yang pasti ia tidak-lah berupaya melakukan-nya.

Sebab matahari, saperti juga angin, hujan, bumi dan sa-bagai-nya lagi yang masing2 ada pengaroh kapada kehidupan, tetapi masing2 itu di-jadikan bagi khidmat yang di-tentukan.

Bumi mithal-nya, tidak-lah dapat menekankan kehendak-nya memileh mana2 beneh yang ia suka saja untok tumboh di-atas-nya.

Hujan pun begitu, ia tidak-lah berupaya menekankan kemahuan-nya untok tidak turun esok mithal-nya, atau memileh masa2 yang baik bagi-nya turun, dan di-bahagian2 tertentu sahaja semahu2-nya.

Kesemua-nya itu kita tahu masing2 dengan pengaroh-nya. Erti-nya masing2 dengan kegunaan-nya. Kegunaan-nya itu-lah khidmat yang di-tentukan.

Begitu besar pengaroh khidmat masing2 kapada kehidupan ini, tapi masing2 pula tidak berupaya menentu dan menekankan kehendak serta pengaroh-nya itu semahu2-nya.

### BERKHIDMAT

Lalu kerana itu masing2 chuma tinggal berkhidmat kapada yang memerlukan-nya, tanpa dapat membezakan dan memileh di-antara mana2 yang memerlukan-nya itu.

Dan yang pasti : masing2 itu tidak pernah pula enggan atau menolak untok memberi khidmat sekali pun mithal-nya yang di-beri khidmat itu jauh lebeh lemah dan rendah status kejadian-nya jika di-banding dengan-nya.

Begitu juga kejadian yang rendah dan lemah status kejadian-nya itu. Masing2 di-tentukan untok berkhidmat kapada kejadian yang lebeh kuat dan tinggi dari-nya.

Tumboh2an mithal-nya, ia di-tentukan berkhidmat kapada manusia dan haiwan yang martabat kejadian masing2 itu lebeh tinggi dari-nya.

Lalu haiwan dapat memakan tumboh2an. Sama ada di-kunyah dahulu atau di-telah terus terpulang-lah kapada chara-nya. Dalam keadaan apa pun kita dapati tumboh2an itu tidak pernah menegah atau mengatakan: *"tidak"* dan *"jangan"* kapada haiwan yang memerlukan-nya. Atau kita dapati tumboh2an itu mengelak melarikan diri dari haiwan dengan mengatakan: *"Hari ini aku tidak mahu engkau memakanku!"*

Dan kapada manusia pun begitu. Tumboh2an itu rela saja terhadap kemahuan manusia. Tanpa mengira burok-baik-nya ia sedia berkhidmat bagi kepentingan manusia, dan bahkan bagi sebarang kemahuan manusia hatta sekali pun mithal-nya manusia itu mahu merosakkan-nya.

Kita lihat, ada orang menebang pokok. Kata-lah pokok itu besar dan tinggi. Dia terus menebang-nya, dengan kapak-kah atau dengan mesen pemotong namun pokok itu rela apa saja. Padahal jika ia mahu dan dapat menentukan kehendak-nya tentu untok menchederakan si-penebang memadai di-jatohkan-nya dahan-nya menimpa kepala si-penebang. Tapi ia tidak berupaya menekankan kemahuan-nya begitu, sebab ia telah di-tentukan bagi berkhidmat kapada kepentingan manusia, dan si-penebang chuma-lah sa-gelintir dari manusia yang memerlukan-nya itu.

### TONGGANGAN

Lihat pula haiwan. Kita dapati kejadian-nya lebeh tinggi dari tumbohan dan lain2 benda. Ia punya panchaindera dan punya kudrat bergerak. Begitu pun haiwan di-tentukan pula bagi khidmat kapada manusia.

Kata-lah ia kuda maka jadi tonggangan-lah dia.

Kata-lah ia lembu maka jadi makanan-lah daging-nya, dan jadi minuman-lah susu-nya.

Kalau di-bandingkan besar badan dan kuat tenaga-nya ternyata manusia jauh lebeh kechil dan lemah dari kuda dan lembu itu. Tapi kita dapati hatta kanak2 pun pernah dan dapat menonggangi kuda dan lembu, atau chuma sa-takat menarek-menghela-nya ka-kandang. Tentu-lah sang kuda dan sang lembu sudah 'arif akan khidmat yang di-perlukan oleh manusia kapada-nya.



SEMUA makhlok ada dengan kegunaan dan khidmat-nya. Allah yang menentukan, umpama-nya lembu — ia di-makan daging-nya dan di-minum susu-nya.

Kata-lah haiwan yang buas dan bisa. Memang-nya di-takuti pula, lalu di-jauhi, dan kalau perlu di-dekati untok di-jadikan hiboran maka ia di-bela dengan baik dan di-lateh. Lihat ular dan harimau mithal-nya.

Yang jelas-nya: kalau menurut hukum akal, haiwan yang jauh lebeh besar badan-nya, jauh lebeh kuat tenaga-nya; atau jauh lebeh kechil dan lemah tapi buas dan berbisa maka tentu-lah manusia ini tinggal menjadi mangsa-nya saja. Tapi tidak sa-lama-nya begitu, sebab haiwan itu sa-besar mana dan sa-kuat apa pun, atau sa-buas dan sa-bisa macham mana pun, namun bukan ia yang menentukan kehendak-nya.

### SUDAH BERLARUTAN

Demikian-lah semua-nya tidak berkuasa menentu dan menekankan kehendak-nya semahu2-nya. Matahari-kah ia, bumi-kah ia, angin-kah ia, hujan-kah ia, tumboh2an-kah ia, dan haiwan-kah ia . . . . dan, dan apa lagi !

Keadaan demikian sudah berkurun2 begitu.

Mengapa sa-demikian ?

Fikir, renong dan teliti. Tapi benak akal pun ada ufok-nya. Sampai di-ufok itu rupa-nya ada sedia jawaban-nya. Ugama ada menyebutkan keterangan-nya, falsafah pun begitu. Tapi antara kedua-nya kita tentu memileh mana satu yang paling authorative.

Soal-nya : chontoh2 tadi itu sa-takat mengenai kejadian yang martabat-nya rendah dari martabat kita manusia. Tentu-nya beza taraf itu kerana berbagai2 kelebehan yang di-berikan, lalu kerana kita manusia di-beri kelebehan akal mithal-nya maka kita pun di-tarafkan mulia dan tinggi dari matahari, haiwan, tumboh2an dan sa-bagai-nya lagi. Yang pasti dalam perbezaan itu kita dan 'apa2' itu masing2 ada-lah kejadian yang di-jadikan: makhlok Allah !

Lalu, sekali pun kita berkelebehan dari yang lain itu kita maseh juga tidak berbeza dari segi penentuan kehendak dan kemahuan untok mengatasi ketentuan2 yang lebeh awal di-takdirkan. Chuma beza-nya kita di-beri ikhtiar, dan tentu-lah dalam berikhtiar itu kita maseh perlu juga pertolongan dan keizinan yang mentakdirkan.

Dalam chontoh2 tadi yang nyata semua-nya rela berkhidmat saperti yang di-tentukan. Tidak kita dapati ada sebarang perchekchokan di-antara tumbohan dengan haiwan mithal-nya. Masing2 rela merelakan. Maka renongkan-lah . . .

— *Ketua Pegawai Penerangan.*

# PROPHET MOHAMMED'S BIRTHDAY CELEBRATIONS



BANDAR SERI BEGAWAN. — The birthday of the Prophet Mohammed was celebrated throughout the State on the grandest scale last Wednesday.

At the padang here, more than thirty thousand Moslems participated in the celebrations.

His Highness the Sultan and Yang Dipertuan led a host of royalty and state dignitaries at the celebrations.

In the beginning of the ceremony, the State Religious Affairs Officer, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj Mohd Zain, welcomed His Highness the Sultan and members of the Royal Family to the function, the first major Islamic event of the year.

His Highness, in his speech, urged the Brunei people to unite in developing and maintaining the security of the country.

Later, His Highness was introduced to the heads of various teams (pictured top) which represented government departments, schools and colleges, youth, kampong, cultural and sporting associations, adult education groups, school bands and the uniformed organisations.

A twelve-gun salute was sounded by cannons of the Royal Brunei Police Force following the Koran reading and Marhaban presentations.

The formal part of the celebration concluded with a thanksgiving prayer by the State Mufti, after which participants in the event took part in a procession through the streets here.

The three-mile procession was led by the Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pg Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pg Muda Mohammad Bolkiah, a brother of His Highness the Sultan.

In the Belait District, more than five thousand people attended the celebrations held at the Kuala Belait Recreation Club padang.

Present at the occasion were the Speaker of the Legislative Council, Yang Amat Mulia Pg Jaya Negara Pg Haji Abu Bakar bin Pg Umar, the Acting District Officer, Pg Idriss bin Pg Temanggong Pg Haji Mohammed, the Deputy State Religious Affairs Officer, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim and other VIPs.

The ceremony commenced with the Koran reading followed by a procession around Kuala Belait town, led by the band of the Perdana Wazir English School.

In Tutong, the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Hj Abdul Aziz was the guest of honour at the celebrations there.

More than seven thousand Moslems in the district praticipated in the procession (pictured below) beginning at the Pengiran Anak Puteri Norain Religious School and ending at the Muda Hashim Malay School padang.

The Tutong District Officer, Awang Hj Chuchu bin Penglima Asgar Hj Abdullah was one of the government officers attending the function.

While in the Temburong District, the General Advisor to His Highness, Pehin Orang Kaya Laila Diraja Dato Laila Utama Awg Isa led the procession in Bangar.

Earlier, he addressed the rally held there. More than two thousand Moslems joined in the celebrations (pictured below).





## BRUNEI OVERSEAS TRANSACTIONS THROUGH BANKS

AS an extension of the Government's policy of developing comprehensive and accurate data and information essential for economic planning and development, the Economic Planning Unit of the State Secretariat is proposing to compile the Balance of Payments statistics. With effect from Friday, 1st February, 1980 it is implementing a comprehensive system of data collection covering Brunei's overseas transaction through the banks. Under this system all banks in Brunei on behalf of the Economic Planning Unit will collect the data.

Transactions to be reported cover only those involving a Resident of overseas funds or of payment of funds to overseas. This system of recording all overseas transactions is compulsory and a common practice in most countries even where they have no foreign exchange restriction.

All individuals, business establishments, non-profit institutions and agents or agencies whose main source of interest is in Brunei or whose residence in Brunei more than one year or is likely to be more than one year are defined as Residents. Vice-versa Non-Residents are defined as those individuals, business establishments, all foreign diplomatic and consular representatives, all foreign governments and agents or agencies which are not included under Residents above.

The public is required to furnish the banks with the purpose of each transaction either for receipt of overseas funds or for payment of funds to overseas irrespective of the amount. In furnishing these data to the Economic Planning Unit, the identity of the receiver or payer of funds is not required to be reported by the banks.

The public is hereby urged to give its fullest cooperation and assistance to ensure complete and accurate collection of these data.

## Hat off to Legal Officers

BANDAR SERI BEGAWAN. — Thumb up for Brunei's legal officers for their excellent work.

The praise came from Brunei's Chief Justice last week while he was speaking at a ceremony commemorating the opening of the new Legal Year here.

Sir Denys Roberts added that he clearly understood the country was well served by its magistrates, the Chief Registrar and his staff, as well as other members of the legal profession.

There was evidence of skill and patience in the way magistrates dealt with the substantial volume of work in the State, he pointed out.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, the Attorney General, in his reply, mentioned the low incidence of serious crime in Brunei.

He quoted a popular magazine as describing Brunei as one of the safest places in the world, and praised the Royal Brunei Police Force for its efforts in fighting against crime.

While speaking on behalf of Brunei's legal practitioners, Mr Y.Y. Chin pledged to continue striving to maintain the highest standards of professional conduct.

He assured the Chief Justice of the full support and assistance of legal practitioners in the year ahead.

## Hike in air fares

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Airlines has announced that it has increased its fares by an average of nine per cent.

The new fares, which took effect on Feb the first, have been caused by the rising cost of aviation fuel.

An one-day economy fare to Singapore is now two hundred and fifty-two dollars — an increase of twenty eight dollars.

One way fare to Hongkong has gone up by fifty dollars, and the Bangkok fare by thirty-six dollars.

However, the one-day economy fare to Manila has risen by only two dollars.

Tickets issued in January will be charged at the old rate until the end of this month.

## Motoring races

MUARA. — The first auto cross and motor cycle scramble race of the Brunei Automobile Association were held on Sunday at Serasa here.

The most prominent contestant of the day was Earnest See who won three main motor cycle scramble races.

In the auto cross race, the best and fatest rider was Awang Ibrahim bin Haji Lawang.

## Junior officers' meeting

BANDAR SERI BEGAWAN. — The State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, officially opened the tenth annual general meeting of the Brunei Junior Officer Union on Sunday morning.

The assembly was held at the exhibition hall of the Language and Literature Bureau here.

The election of new office bearers was one of the agenda discussed at the conference.

The Commissioner of Labour, Yang Teramat Mulia Pengiran Indera Setia Sahibol Karib Pengiran Anak Idris and the President of the Union, Awang Abu Bakar bin Haji Ishak, also spoke at the gathering.

## Traffic congestion eased

BANDAR SERI BEGAWAN. — To ease traffic congestion at Gadong Road Junction, The Road Safety Council Working Committee last week closed the left turning lane at the traffic light on the approach road from here to Berakas/Muara area.

Motorists from the State Capital to Gadong area are required to use the slip road before the petrol station.

Public Works Department Contractor commenced laying concrete kerbs to close the left turning lane on Friday, 1st February, 1980.

# YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama)
Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

# MUSOH ISLAM

## Siri ke-18

DALIL yang menunjokkan bahawa orang2 yang memusohi ugama Islam itu menjadi orang2 kafir, ia-lah sa-bagaimana firman Allah Ta'ala dalam surah Al-Baqarah, ayat 97 dan 98: Tafsir-nya: *"Katakan oleh-mu ya Rasulullah, kapada mereka, barangsiapa menjadi seteru kapada malaikat Jibrail, maka bahawasa-nya ia telah membawa turun Al-Kor'an ka-dalam hati kamu dengan izin dan perentah Allah, hal keadaan Al-Kor'an itu membenarkan kitab2 Allah yang di-turunkan sa-belum-nya dan dia menjadi hidayat dan petunjok serta membawa khabar2 yang menyukakan kapada orang2 muminin. Mereka yang berseteru dengan Jibrail sa-sunggoh-nya ia telah kufurkan wahyu (Al-Kor'an) yang di-bawa-nya kapada kamu ya Rasulullah."*

Firman Allah lagi; Erti-nya: *"Barangsiapa yang menjadi seteru kapada Allah, kapada malaikat2-nya, kapada rasul2-nya, kapada Jibrail dan Mikail, maka bahawa-nya Allah Ta'ala itu menjadi seteru kapada mereka dan mereka ada-lah orang2 kafir."* (dari tafsir Al-Jalalain dan Al-Baidhawi).

### DALIL KUFUR

Ada pun dalil yang menunjokkan kapada kekufuran bagi orang2 yang shak pada ujud Allah, atau pada kekuasaan Allah atau pada keesaan Allah, atau pada ugama yang di-bawa oleh Rasul2 Allah atau pada apa yang di-bawa oleh Rasulullah (salallahu 'alaihi wasallam) dari perkara ugama Islam, ada-lah sa-bagaimana firman Allah Ta'ala dalam surah Hud, ayat 62: yang tafsir-nya: *"Kaum Nabi Salleh (Alaihis Salam) berkata kapada Nabi Salleh: Hai! Salleh sa-sunggoh-nya kamu pada kita ada-lah sa-orang yang di-harap2kan, sa-belum ini ada-kah kamu menegah kami dari menyembah berhala yang di-sembah oleh datok nenek kami, dan bahawasa-nya kami sentiasa shak pada perkara yang kamu serukan kami mematohi-nya ia-itu pada mentauhidkan Allah itu, sa-hingga menjadikan kami sentiasa dalam keraguan dan berbelah hati."*

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Ibrahim ayat 9 dan 10 yang tafsir-nya: *"Tidak-kah datang kapada kamu (yakni berita betul) akan perkhabaran mereka yang terdahulu daripada mereka (yakni umat2 yang dahulu daripada kaum Nabi Hud dan kaum Nabi Salleh dan lain2 umat yang sa-belum mereka) tiada-lah sa-siapa yang mengetahui akan mereka itu sa-lain Allah (kerana banyak-nya umat2 itu). Rasul2 bagi umat2 dahulu itu membawa keterangan kapada mereka bagi menunjokkan kebenaran mereka. Lalu umat2 itu menolak keterangan tersebut dengan meletakkan tangan2 mereka di-atas mulut2 mereka sambil menggigit jari2 mereka kerana marahkan perbuatan Rasul2 yang di-utuskan kapada mereka. Mereka berkata bahawa kami sa-sunggoh-nya telah kufurkan terhadap apa yang kamu bawa dan terhadap kandongan utusan yang kamu bawa itu. Dan bahawasa-nya kami sentiasa dalam shak pada perkara yng kamu seru itu dan menjadikan kami sentiasa dalam ragu2 dan berbelah hati."*

Seterus-nya Allah berfirman yang tafsir-nya: *"Berkata Rasul2 kapada umat2 mereka, ada-kah kamu shak kapada Allah Ta'ala itu yang menjadikan tujoh petala langit dan bumi, dia menyeru kamu agar ta'at kapada-nya, supaya di-ampunkan-nya dosa2 kamu, dan ia perlambatkan azab ka-atas kamu sa-hingga akhir hayat kamu."* (Dari tafsir Al-Jalalain dan Al-Baidhawi).

### IHTIMAL DALAM PERKATAAN

Menurut dalam kitab 'Ahkamul-Kor'an' yang di-himpunkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi (meninggal pada tahun 458 Hijrah) ada di-terangkan kata2 dan pendapat Imam kita ia-itu Al-Imam As-Shafie (radhiallahu anhu) (meninggal tahun 204 Hijrah) mengenai dengan hukum2 feqah dari ayat2 Al-Kor'an. Bahawa mengenai sahabat Hatib bin Abi Balta'ah ada tersebut dalam satu hadith yang di-riwayatkan daripada sahabat Sayidina Ali (radhiallahu anhu): Rengkas-nya, ia (Hatib) telah di-bawa ka-hadapan Rasulullah (sallallahu alaihi wasallam) berthabit dengan perkara bahawa ia telah menulis surat kapada orang2 Quraish Mekah, dengan mengkhabarkan sa-suatu perkara mengenai Rasulullah kapada mereka.

Surat itu di-bawa oleh sa-orang perempuan ka-Mekah tetapi surat itu dapat di-rampas kembali dari perempuan itu oleh satu pasukan yang di-kirimkan oleh Rasulullah bagi mengesan surat itu dengan perentah Allah Ta'ala. Kata sahabat Hatib: *"Saya membuat surat itu, bukan kerana saya shak pada ugama saya, dan bukan saya redza menjadi kufur sa-telah saya memelok Islam."* Maka sabda Rasulullah (erti-nya) *"Bahawa dia benar dalam perchakapan-nya."* Lalu Sayidina Umar memohonkan: *" Ya! Rasulullah, biarkan saya panchong kepala orang munapik ini."* Tetapi Rasulullah tiada membenarkan demikian.

Berkata Al-Imam As-Shafie ketika mengulas hadith ini: Bahawa hukum (panchong) itu di-ketepikan di-sebabkan ia mengandongi berbagai 'dzan' (andaian). Boleh jadi surat sahabat Hatib itu mengandongi apa yang ia telah katakan, sa-bagaimana kata-nya, ia tiada menulis surat itu kerana shak pada ugama Islam, sa-balek-nya ia menulis itu ia-lah untok mempertahankan anak2-nya dan orang2-nya di-Mekah. Dan boleh juga di-anggap perbuatan-nya itu sa-bagai satu kesilapan dan kesalahan, bukan kerana benchikan Islam. Atau mungkin juga perbuatan-nya itu mengandongi erti yang lebeh burok (shak pada Islam). Oleh yang demikian, di-sini di-terima perkataan-nya kerana perkataan-nya itu mengandongi ihtimal bagi apa2 yang di-lakukan-nya itu. Dapat kita lihat di-sini betapa halus adab bahasa Al-Imam As-Shafie terhadap sahabat Hatib itu.

### SHAK PADA ISLAM MEMBAWA MURTAD

Apa yang hendak kita katakan di-sini bahawa shak pada Islam atau benchikan Islam melazimkan (menyebabkan) salah satu-nya keluar dari ugama Islam. Perbuatan sahabat Hatib itu boleh di-tanggongkan (ihtimal) ia menulis kerana menjaga faedah keluarga-nya, dan boleh di-tanggongkan ia telah tersilap dan telah membuat suatu kesalahan, dan yang terakhir boleh di-tanggongkan ia telah membuat suatu perkara yang merbahaya dalam Islam. Rasulullah (sallallahu 'alaihi wasallam) menerima perkataan-nya memandangkan dia orang berjasa dalam Islam kerana mempertahankan Islam dalam peperangan Badar, dan Allah telah mengetahui akan hal pejuang2 Badar itu. Dengan yang demikian, Rasulullah ampunkan kesilapan-nya.

Peristewa ini telah menjadi sebab turun-nya ayat Kor'an yang menegah dari menaroh kaseh atau berlembut dengan seteru2 Rasulullah, sa-bagaimana dalam hadith2 yang di-riwayatkan oleh Sayidina Ali itu. Ada pun ayat2 yang di-maksudkan itu ia-lah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّـذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَتَّخِذُواْ عَدُوِّي وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ تُلْقُونَ إِلَيْهِم بِٱلْمَوَدَّةِ

(Awal surah Al-Mumtahinah)

Tafsir-nya: *"Hai mereka yang beriman jangan kamu menjadikan seteru aku, dan seteru kamu itu, kawan kamu dan memberikan kaseh sayang kapada mereka."*

WALLAHU A'ALAM.

## PERHATIAN

PELITA Brunei ini lazim-nya mengandongi ayat2 Al-Kor'an, Hadith, Lafzul-jalalah, nama Nabi2 — termasok Nabi Musa dan Nabi 'Isa (alaihias-salam) yang kesemua-nya itu wajib di-hormatkan. Oleh itu naskah akhbar ini hendak-lah di-jaga dengan baik jangan sampai mithal-nya di-jadikan kertas pembungkus, lapik dan sa-umpama-nya . . . — Ketua Pegawai Penerangan.



# PENYALAH-GUNAAN DADAH

PENGERTIAN dadah itu ia-lah apa jua bahan atau bahan kimia samada asli atau tiruan yang di-perolehi dari daun atau pokok, apabila di-masokkan ka-dalam tuboh badan samada di-makan atau di-hisap atau di-suntik maka ia boleh mengubah bentok atau tugas tuboh badan sa-seorang itu.

Morphin, heroin, kokin, marijuana dan lain2 yang pada umom-nya di-edarkan di-Brunei ada-lah di-anggap sa-bagai dadah.

Di-tinjau dari shari'at Islam bahawa perkataan dadah itu tidak-lah di-sebutkan dalam sumber2 shari'at Islam saperti Al-Kor'an dan hadith. Maka sebab itu-lah musoh2 Islam menchari peluang untok memperdayakan umat Islam bukan sahaja untok melalaikan, serta mengkhayalkan tetapi yang lebeh dahshat lagi supaya umat Islam tidak mempunyai pandangan masa hadapan yang cherah.

Jadi walaupun sumber undang2 Islam tidak menyebutkan perkataan dadah tetapi dadah itu tergolong di-antara benda2 yang kotor serta keji dan melemahkan urat2 saraf dan mengubah bentok tugas tuboh badan sa-seorang. Sa-bagaimana firman Allah dalam surah Al-'Araf ayat 157 yang bermaksud: *"Allah menghalalkan bagi mereka barang2 yang baik dan mengharamkan ka-atas mereka benda2 yang kotor".*

Dari sumber hadith pula di-petik yang bermaksud: "Rasulullah s.a.w. melarang tiap2 benda yang memabokkan dan minuman yang boleh melemahkan urat2 saraf dan anggota".

Dari dua sumber undang2 Islam dan di-sokong pula kajian2 sains nampak kapada kita bahawa kesan penyalah-gunaan dadah bukan sahaja terhadap sa-seorang itu malah juga terhadap ugama, bangsa dan negara. Maka anggota yang pertama sa-kali yang di-serang oleh dadah ia-lah otak, jantong dan di-ikuti oleh anggota2 yang lain samada kesan-nya di-rasakan serta merta, perlahan-lahan atau beransur-ansur atau lambat, ketegasan tegahan Rasulullah s.a.w. menunjokkan dadah itu haram samada dalam bentok pil, chechair atau dalam bentok sa-mula jadi jenis dadah itu. Ugama Islam sangat-lah menitek beratkan pemeliharaan dan pengawalan otak kerana otak itu mempunyai tugas2 yang banyak, yang pada umom-nya otak ada-lah pusat jentera untok penggerak, pengator dan penerbit fikiran. Apabila otak telah di-hinggapi oleh rachun dadah maka otak lambat laun akan mengalami kerosakan dan akhir-nya akan di-ikuti oleh anggota2 yang lain, mithal-nya jantong tidak dapat mengedarkan darah sa-chara baik, mata, badan menjadi kurus-kering tidak bermaya, melahirkan keturunan yang berpenyakit, chachat anggota dan sa-bagai-nya.

Di-samping itu juga penyalah-gunaan dadah memberi kesan kapada jiwa sa-seorang itu, di-antara-nya: orang itu sentiasa dalam keadaan runsing, tidak berminat, dan lemah semangat, fikiran berchalur memandang masa depan yang gelap.

Memang menjadi kelaziman bagi kesan dadah itu membawa kematian, maka kerana itu ada-lah di-anggap penyalah-gunaan dadah samada penageh atau bukan penageh dadah chuba membunoh diri mereka sendiri yang bukan sa-patutnya atau hak. Dari sudut ini Islam memandang perbuatan itu ada-lah keji dan hina, sedangkan Allah itu Tuhan Yang Pengaseh terhadap hamba2-Nya sa-bagaimana Allah jelaskan dalam firman-Nya; yang bermaksud: *"Jangan-lah kamu membunoh diri kamu sendiri sa-sunggoh-nya Allah itu Maha Pengaseh kapada kamu".*

Firman Allah lagi dalam surah Al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud: *"Jangan-lah kamu melimparkan diri kamu ka-arah kebinasaan".*

Ini ada-lah di-antara kesan2 dadah itu. Kesan yang lain pula ia-lah orang2 yang telah menjadi penageh dadah tidak akan merasa hidup-nya segar tanpa ada-nya dadah, oleh itu mereka akan mendapatkan dadah dengan apa juga chara yang bertentangan dengan undang2 sama sa-kali. Saperti menchuri, merompak, berzina dan sa-umpama-nya.

Jadi sudah sa-wajarnya kita mesti-lah jauhi dadah dengan apa chara pun. Kerana dadah ada-lah amat merbahaya dan penyalah-gunaan-nya ada-lah membawa mala petaka yang burok terhadap diri masharakat serta negara. Lebeh2 lagi negara kita sangat2 berkehendak tenaga2 yang sehat untok membangun dan mempertahankan keselamatan dan ketenteraman.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 6hb Februari, 1980 hingga ka-hari Selasa 12hb Februari, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini :

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 6hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 7hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 8hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 9hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 10hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 11hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 12hb Feb | 12.40 | 4.01 | 6.38 | 7.49 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Bingkisan minggu ini

## HIDUP DI-DUNIA SA-BAGAI PENGEMBARA

IBNU Omar Radhi Allahu 'anhuma pernah mencheritakan bagaimana Rasulullah s.a.w. pernah memegang bahu beliau dan bersabda: *'Hendak-lah engkau berada di-dunia ini saperti sa-orang yang sedang mengembara atau berdagang."* Sa-terus-nya Ibnu Omar berkata, *"jika engkau berada di-waktu petang, maka jangan-lah engkau menunggu pagi, dan apabila engkau berada di-waktu pagi jangan-lah engkau menunggu waktu petang, dan gunakan-lah dari kesihatan yang ada pada mu untok masa sakit mu, dan dari hidup mu untok masa mati mu".*

Peristiwa yang di-cheritakan oleh Ibnu Omar ini ada-lah di-dasarkan dari Hadith Rasulullah yang mempersoalkan peri hidup dan kehidupan sa-seorang di-dunia. Oleh sebab salah satu sifat yang ada pada manusia ia-lah pelupa atau kerap pelalai, maka faktor2 ini-lah yang sering kali menghilangkan ingatan bahawa sa-benar-nya hidup ini bersifat sementara dan ia mempunyai suatu matalamat yang terakhir.

Bagi menyampaikan tujuan akhir, maka terdapat beberapa kewajipan yang mesti di-sediakan sa-belum sa-seorang itu meninggalkan alam sementara ini untok menyahut panggilan Ilahi.

Manusia sa-bagai pengembara atau musafir ada-lah mengandongi beberapa pengertian tertentu. Dalam ertikata yang lain, sa-seorang yang merantau lambat laun akhir-nya akan kembali ka-tempat asal-nya sendiri. Kerana itu wajar-lah bagi-nya untok menyediakan sa-suatu yang dapat di-tunjokkan sa-bagai faedah hasil dari-pada pengembaraan-nya itu manakala ia kembali kelak. Atau sa-kurang2-nya memperolehi pengalaman2 yang banyak dan peninjauan2 yang luas sa-lama dalam perjalanan-nya itu.

Demikian-lah hakikat kehidupan di-dunia di-mana manusia itu wajar dan bahkan perlu menyiapkan persediaan untok menuju alam akhirat. Ini ada-lah di-sebabkan di-akhir kehidupan kita ia-lah untok menemui Allah s.w.t.

Jadi soal-nya di-sini: apa-kah persediaan yang harus di-bawa untok kembali ka-tempat yang di-sebutkan itu. Jawapan-nya sa-chara rengkas ia-lah diri kita yang benar2 bersifat sa-bagai sa-orang mukmin dan muslim. Di-dalam kedua-dua kalimah atau perkataan ini sa-benar-nya merangkumkan pengertian yang luas ia-itu beriman dan beribadat untok kepentingan di-dunia dan akhirat sa-bagaimana yang di-tetapkan Allah, serta kebersehan rohani dari sa-tiap pengaroh yang boleh menyelewengkan pandangan kita.

Dalam melaksanakan kewajiban2, Islam tidak mengalakkan sa-seorang itu melengahkan waktu. Waktu ada-lah suatu perkara yang paling berharga, dan ini di-sedari oleh semua orang. Dalam hubongan-nya dengan amal, waktu ada-lah mengambil peranan yang penting. Oleh sebab sa-tiap amal atau ibadat itu mempunyai susunan2 waktu yang tertentu, maka jika susunan2 yang telah di-tetapkan itu tidak di-ambil perhatian, harus lah satu2 pekerjaan akan terlepas atau belum tahu dapat di-kerjakan kembali. Demikian-lah andai-nya satu2 tugas yang sa-harus-nya di-laksanakan di-hari itu, jangan-lah di-tunggu2 untok di-kerjakan pada hari esok-nya, sebab boleh jadi ada halangan atau gangguan yang akan merintangi kerja2 tersebut.

Oleh yang demikian hendak-lah kita menjadi sa-orang yang menghargai betapa tingginya nilai waktu itu, dengan tidak membiarkan ia-nya hilang dengan begitu saja tetapi patut di-penohi dengan sa-tiap amal atau kerja yang berfaedah.

Kelapangan waktu dalam satu2 masa ada-lah juga ibarat keadaan manusia dalam masa sehat-nya. Kerana itu dalam masa manusia itu sehat ia harus melengkapkan diri-nya bagi persediaan untok hari sakit-nya. Susah dan senang, sehat dan sakit ada-lah satu putaran tetap yang menjadi tradisi penghidupan. Manusia tidak dapat memestikan bilakah ia akan mengalami kesakitan. Sebab itu-lah ia harus bersedia untok menghadapinya, sama ada persediaan yang ada hubongan-nya dengan keperluan hidup di-dunia atau keperluan-nya menghadapi hidup sa-sudah mati.

Demikian-lah sa-terus-nya. Sa-bagaimana yang di-pesankan bahawa persediaan juga harus lengkap di-waktu hidup bagi menghadapi hari mati. Apabila telah tiba masa menghadap panggilan Ilahi, maka bekalan yang hanya di-bawa ia-lah amalan dan ibadat yang ikhlas serta kerja2 kebajikan yang mendatangkan pahala sa-bagai kawan yang paling rapat dapat melepaskan sa-seorang itu dari berbagai-bagai seksaan yang pasti di-hadapi.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 6HB FEB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 A PLACE TO LIVE — "Ground Level"
5.15 ADVENTURES OF TIMOTHY PILGRIM
5.30 ANIMAL WORLD — "Wapiti"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO — "The Mask of Mandragona" Bahagian 3.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 BEWITCHED — "Mrs. Stephens, Where are you?" Kerana berkechil hati terhadap kata2 ibu Darrin mengenai Samantha dan keluarga-nya, Serena menukar-nya menjadi sa-ekor kuching.

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. — Trapper John ia-lah Dr John McIntyre, Ketua Doktor Bedah di-Golden Gate General Hospital di-San Francisco. Di-samping kesebokan-nya dengan pesakit2-nya dan chabaran2 dalam kehidupan profeshenal-nya, sa-tiap orang merasa terhibor kerana sikap-nya yang gemar berjenaka.
7.48 AZAN ISHA
7.52 TRAPPER JOHN M. D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE PROFESSIONALS : "Hiding To Nothing"
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV : "A Death of Innocence"
11.20 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 7HB FEB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BIG BLUE MARBLE
5.30 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BIG LEAGUE SOCCER
6.37 AZAN MAGHRIB
6.44 BIG LEAGUE SOCCER — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL — "The Wagon and the Elephant"
7.48 AZAN ISHA
7.52 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
10.00 TAYANGAN FILEM MELAYU
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 8HB FEB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 PINOCHIO
5.00 CHILDREN'S WORKSHOP
5.30 THE MUPPETS — "Helen Reddy"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPACE SENTINELS — "The Return of Anubis" Raksaksa gagah perkasa dari galaxy lain terlepas dengan tidak senghaja dari penjara sa-lama 3,000 tahun dalam sa-buah piramid Mesir.
6.26 GREEN HORNET — "Trouble for Prince Charming"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 THE GREEN HORNET — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DONNY AND MARIE OSMOND SHOW
7.48 AZAN ISHA
7.52 DONNY AND MARIE OSMOND SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SERBA SERBI
9.00 DICK EMERY SHOW
9.30 HAWAII FIVE O — "Loose Ends Get Hit" Ketua Five-O McGarrett memperhatikan dengan takjub sekali satu kes pembunohan terhadap pemeras Kum Chi.
10.20 SHADOWS OF FEAR — "At Occupiers Risk"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 9HB FEB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DYNO-MUTT — Satu kisah komidi mengenai anjing robot dan tuan-nya



BLAKE'S SEVEN : Time Squad (kiri ka-kanan) Paul Darrow sa-bagai Avon, Gareth Thomas sa-bagai Blake dan Michael Keating sa-bagai Vila dalam "Time Squad" — episod kaempat dalam Blake's Seven, satu siri pengembaraan di-angkasa, tayangan-nya pada hari Selasa ini jam 6.05 petang.



SATU adegan dari siri "Centennial" dalam episod yang berjodol "The Wagon And The Elephant". Dalam gambar dari kiri ka-kanan: Richard Chamberlain sa-bagai McKeag, Barbera Carrera sa-bagai Clay Basket dan Cristina Raines sa-bagai Lucinda. Tayangan-nya esok jam 7.15 malam.

6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 WARISAN

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TARGET
7.48 AZAN ISHA
7.52 TARGET — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 TAYANGAN MALAM MINGGU : "The French Connection"
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 10HB FEB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ROAD TO WEMBLEY
5.30 READING WITH LENNY
5.45 AL-KESAH
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S GALAXY GOOF-UPS "Whose Zoo"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 SCIENCE INTERNATIONAL

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE DUKE
7.48 AZAN ISHA
7.52 THE DUKE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 WILDLIFE SAFARI — "Fig Feast at Khao Yai"
9.00 MUTIKA
9.50 BORN TO WIND — "A Man Called Fish Belly" Low Wolf mengalami kesakitan yang amat sangat di-kaki-nya, ia pengsan, kemudian-nya menchari jalan pulang. Sa-chebis besi di-keluarkan dari kakinya dan di-kenali sa-bagai sa-biji bola peluru dari sa-puchok senapang.
10.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 11HB FEB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 POSITIVE SOCCER
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 GRIZZLY ADAMS — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PETROCELLI — "Covenant With Evil" Satu pagi Tony dan Maggie Petrocelli mendapat sa-orang pemuda yang menghadapi tudohan membunoh bersembunyi dekat rumah mereka di-padang pasir. Pemuda itu memberitahu-nya bahawa ia membunoh sa-orang gadis tetapi tidak bertujuan demikian. Petrocelli berjanji membela-nya dan chuba menyakinkan mahkamah bahawa dia tidak bersalah.
7.49 AZAN ISHA
7.53 PETROCELLI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 PUSPARAMA
9.40 ROAD TO MOSCOW Ahil2 sokan yang di-perlihatkan kali ini ada-lah Judy Adam, pejalan kaki March Evonuik, petinju Richard Sandoval, pelompat jauh Arnie Robinson dan pelari John Walker.
10.30 LOU GRANT — "Slaughter"
11.10 SIARAN TAMAT

## SELASA — 12HB FEB.

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 VISION ON
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Raid On The Nearby Planet"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN — Blake menyerang dan merosakkan sa-buah kompleks di-Saurian Major di-mana ia menemui rekrut baru — Cally
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 BLAKE'S SEVEN — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 A MAN CALLED SLOANE— "Night of the Lizard"
7.49 AZAN ISHA
7.53 A MAN CALLED SLOANE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 CORAL JUNGLE
10.05 CLIFF HANGERS
10.55 PERLAWANAN GUSTI
11.40 SIARAN TAMAT.

# MUTIKA '80 PERENGKAT SA-PAROH AKHIR

DARI sa-ramai 60 peserta yang bertanding dalam 10 ranchangan suku akhir Mutika '80, 24 peserta telah pun di-pileh melayakan diri memasoki perengkat sa-paroh akhir.

Empat ranchangan sa-paroh akhir akan dirakamkan dengan enam peserta dari tiap2 ranchangan akan beradu bakat. Tiap2 ranchangan sa-paroh akhir ini akan di-hakimkan oleh enam orang hakim yang telah di-pileh dan akan di-iringi dengan ORKESTRA RTB yang di-gabongkan dengan pemain2 muzik AMDB dan PDB di-bawah pimpinan Pengarah Muzik RTB, Awang Abdullah Ahmad.

Dalam ranchangan pertama muzik telah disusun oleh Syed Hashim. Ranchangan kedua di-susun oleh Lt Manaf Haji Kamis. Sementara dalam ranchangan ketiga muzik di-susun oleh Awang Idris Mohammad dan ranchangan akhir disusun oleh Pengarah Muzik RTB sendiri.

**Ranchangan Pertama dan Kedua akan di-rakamkan di-Dewan Raya RTB pada hari Jumaat 8hb Februari 1980 mulai jam 2.00 petang. Sementara ranchangan saparoh akhir ketiga dan keempat akan di-rakamkan pada hari Ahad, 10hb Februari 1980 mulai jam 2.00 petang.**

Tiket2 perchuma untok menyaksikan pertandingan tersebut boleh-lah di-dapati dari tingkat bawah RTB atau di-pintu masok. Kanak2 yang berumor 12 tahun ka-bawah tidak dibenarkan masok.

**Saksikan-lah beramairamai pertandingan sa-paroh akhir Mutika '80 pada 8hb dan 10hb Februari 1980 mulai jam 2.00 petang di-Dewan Raya RTB.**



**WHAT Facinates Me is a programme produced locally by Veronica, and this comes to you every Thursday at a quarter past one in the afternoon over the English Radio Network.**

**Make a date with us this Thursday and who knows you too may even be our facination for the week. Any contributions or suggestions are welcome anytime.**

**Picture shows Jan Ong talking to Pengiran Omar bin Pengiran Limbang at the Air Traffic Control Tower of the Bandar Seri Begawan Airport.**



**COMBO RTB, sa-buah ranchangan baru, mendapat tempat dihati para peminat-nya. Ranchangan ini di-terbitkan sa-chara terus menerus dari Studio 'B' RTB menjelang akhir bulan, (hari Ahad), jam 1.00 tengah hari.**

**Kelihatan dalam gambar ini, penyanyi di-sukai ramai ditanah ayer kita, S. Ros menjayakan ranchangan tersebut dalam keluaran pertama-nya pada 27hb Januari yang lalu.**

## intisari RTB mingguan

IF you had been listening to las Away For No, you must have kn his partner, Linda Chadd had Williams and his wife, Dorn.

On this week's programme, winning team, will compete agai Mary, with Pengiran Asmalee game as usual. This programm 10th February 1980, at 1.00 pm Tuesday 12th February at 9.30 is the winner this week.





**PENERBIT ranchangan 'Tetamu Minggu Ini', Md Ali Majid menerima tetamu dari seberang laut. Penyanyi piring hitam, Yasmin Yusoff (kelihatan dalam gambar) sedang di-temuramah oleh penerbit-nya mengenai dengan kegiatan2 dan aktiviti2 Yasmin Yusoff sa-hingga ia berjaya menchapai kemajuan.**



# SEKITAR PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN MAULUD DI-BANDAR SERI BEGAWAN





KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Perhimpunan Maulud yang telah di-adakan di-Padang Besar (gambar kanan). DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin (kanan bawah) dan lain2 Kerabat2 Diraja juga turut berangkat ka-majlis tersebut.

Gambar kiri kelihatan ketua2 pasokan yang menyertai perarakan pada hari itu di-perkenalkan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-jurus sabelum perarakan di-mulakan.

Perarakan sa-jauh tiga batu itu di-dahului oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pg Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud (gambar bawah).

Yang Teramat Mulia Pengiran2 Anak Puteri juga menyertai perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan itu (bawah tengah).

Gambar bawah kiri dan paling bawah kelihatan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang mengandongi lebeh 1,000 orang dan salah sa-buah pasokan ketika berarak melalui Jalan Sekolah.











# DI-PEKAN BANGAR





PENASEHAT Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa menjadi tetamu kehormat dalam majlis sambutan Maulud di-Daerah Temburong.

Sa-telah beruchap kapada lebeh 2,000 orang umat Islam di-perhimpunan pada pagi itu, Yang Teramat Behormat mengetuai perarakan mengeliling Pekan Bangar dengan di-sertai oleh Pegawai Daerah, Awang Haji Yaakob dan lain2 ahli jawatankuasa sambutan Maulud di-daerah tersebut (gambar atas).

Sa-belum perarakan itu di-mulakan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja telah memereksa barisan peserta2 dan di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan masing2 saperti kelihatan dalam gambar kiri.

Pegawai Daerah, Awang Haji Yaakob bin Haji Ahmad (kanan) dan Awang Mokti bin Mohd Daud selaku wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama (paling kanan) juga turut beruchap di-majlis pada hari itu.

Gambar bawah kelihatan salah sa-buah pasokan perempuan di-daerah itu ketika berarak mengeliling Pekan Bangar sementara gambar bawah kanan pula kelihatan pencharagam Sekolah Menengah Melayu SMJA mendahului perarahan di-Pekan Bangar.



BEGINI-LAH keadaan-nya Padang Besar di-ibu negeri sa-tiap tahun di-banjir oleh
mad s.a.w. Pada tahun ini lebeh dari 44,000 orang umat Islam menyertai perhimpu
yang lalu.











...umat Islam berhimpun bagi memperingati kelahiran Junjongan Besar kita Nabi Moham-
...dan pera rakan2 Maulud yang telah di-adakan sa-rentak di-seluroh negeri pada hari Rabu

# DI-KUALA BELAIT





LEBEH dari 5,000 umat Islam yang mewakili Jabatan2 Kerajaan, sekolah2 dan maktab, persatuan belia, pendudok2 kampong dan firma2 di-Daerah Belait telah menyertai sambutan Maulud di-daerah tersebut.

Speaker Majlis Mashuarat Negeri, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar (kanan) telah menjadi tetamu kehormat di-majlis tersebut. Dalam perhimpunan yang di-adakan di-Padang KB RC itu, Yang Amat Mulia juga menyampaikan ucapan. Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss dan Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim (gambar2 bawah kiri) juga menyampaikan uchapan di-majlis tersebut.

Sa-belum mengetuai perarakan saperti kelihatan dalam gambar bawah, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah memereksa barisan peserta2 perarakan dan seterus-nya diperkenalkan kapada ketua2 pasokan (gambar kanan).

Pasokan pencharagam Sekolah Inggeris Perdana Wazir juga tidak ketinggalan bagi memeriahkan lagi perarakan tersebut dengan memainkan lagu2 march di-sepanjang perarakan sa-jauh empat batu itu (gambar paling bawah kanan) sementara gambar paling bawah kiri pula kelihatan pasokan dari Maktab Anthony Abell, Seria ketika menyertai perarakan tersebut.
















# DI-PEKAN TUTONG

GAMBAR2 di-halaman ini menunjokkan kemeriahan semasa perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. di-Daerah Tutong di-mana lebeh dari 7,000 orang umat Islam di-daerah itu mengambil bahagian dalam majlis tersebut.

Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menjadi tetamu kehormat di-majlis tersebut.

Sa-telah menyampaikan uchapan di-majlis tersebut (gambar kanan), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-perkenalkan kapada ketua2 pasokan (kiri).

Sa-telah 'marhaban' (gambar kiri tengah) dan do'a selamat di-bachakan, perarakan pun mula bergerak dengan di-dahului oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya dan lain2 ahli jawatankuasa sambutan termasok YAM Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof dan Pegawai Daerah, Awang Haji Chuchu (kiri).

Gambar bawah tengah kelihatan Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Chuchu ketika menyampaikan uchapan sementara lain2 gambar kelihatan perarakan2 sedang berjalan.















k's panel game of Two that David Temple and the game against Ted

d and Linda, being the Ambrose and his wife, an Ahmad hosting the go on air on Sunday the repeat will be on Let us see which team

## Good news for prospective homemakers

THE English Service of Radio Television Brunei is introducing a new series called, "Making A Home" — a half-hour weekly programme of interviews with homeowners and talks on homemaking. It is aimed at giving would-be homemakers the guides to successful homemaking, and also at helping homeowners with ideas about home improvements.

On the first programme, the producer, Nafisah Haji Ali and an interviewer, James Thomason will interview Mr Tom Butcher, a prominent architect, at his home at Jalan Kota Batu, and later, The Principal Treasury Accountant, Dato N.C. Williams will talk about the Government Housing Loan Scheme for Government Officers.

In case you miss the orginial broadcast of this programme on 2nd February, please tune in on Radio Brunei English Service at 9.30 pm.



## menang "Apa Pendapat wda" minggu ini

AT kita pada keluaran Ranchangan Apa Pendapat da minggu lalu membawa tajok:

*a kegiatan seni di-negeri ini terutama-nya seni a, seni muzik, seni tari, seni lukis dan crafttangan seni bena hendak-lah memancharkan identiti tem- yang tidak berchanggah dengan ajaran Ugama*

pendapat Awang Hidop bin Mohd Zain, Dewan an Pustaka, Brunei yang mendapat tempat pertama.

*a bentok2 seni yang terdapat di-negeri ini, terutama-Sastera, seni Muzik, seni tari, seni Lukis, seni Craf an seni Bena ada-lah milek raayat dan negara yang i nilai dan sejarah-nya yang tersendiri di-samping mbang tradisi seni budaya bagi bangsa kita. kerana seni2 tersebut begitu berharga, maka ada-lah asabah ia-nya di-persembahkan, di-buat atau di-ubah sor2 yang boleh menchemarkan keaslian-nya atau dak mencherminkan identiti tempatan dan yang lebeh an lagi apabila ia-nya di-ubah2 tanpa usol pereksa erchanggah dengan kehendak2 ajaran Ugama Islam. itu, ada-lah penting dan menjadi tanggong-jawab sa- seniman, budayawan dan masharakat umom dalam kkan kegiatan2 seni2 tersebut bagi memesatkan per- dan perkembangan senibudaya tempatan, supaya t memperkenalkan seni2 tersebut kapada masharakat gsa dalam bentok yang lebeh adil, bijaksana, ber- wab dan berkesan serta dapat mencherminkan npatan yang sa-benar dan tidak berchanggah dengan ama Islam di-samping memperdalamkan pengetahuan tang seni budaya sa-chara yang lebeh rasional dan manusiaan.*

lapat yang akan datang, tajok baru di-berikan ber-

*h mana-kah awda berfikir bahawa pengangguran wujud di-Brunei dan apakah pada fikiran awda boleh di-ambil bagi mengatasi kemungkinan lah2 pengangguran yang teruk'*

endapat hendak-lah di-kirim segera kapada penerbit at pada 9hb Februari, 1980.

## he French Connection siri baru di-RTB

EILLES, France, sa-orang ditektif Peranchis di-tembak e Nichol, yang mengambil senapang-nya dan terus kan-nya.

buah jalan kechil di-Bedford — Stuyvesant Section, sa-orang "pengedar dadah" mengeluarkan sa-bilah pi- nenetak ditektif Buddy Russo. Teman-nya, Ditektif opeye" Doyle segera menembak "pengedar dadah" itu. pas menahan pengedar dadah itu dan merawat luka esai-lah tugas mereka malam itu. Tetapi Doyle men- an mereka pergi ka-kelab malam di-East Side Club. ni, Doyle memerhatikan pelanggan2 lain, dan mem- hawa ia mengesan sekurang2-nya dua "junk connec- oyle menyuroh Russo memerhatikan mereka dengan mengikut jejak mereka ka-Brooklyn. Tetapi mereka -lah menunju ka-kedai gula2 yang kechil. Dan kesah berakhir di-situ saja, sa-benar-nya lebeh banyak yang aksikan untok awda. Jangan lupa saksikan-lah ta- a pada hari Sabtu ini jam 8.50 malam.

oar kiri menunjokkan salah satu adegan dari "The onnection".

# RANCHANGAN TVP DARI 11HB — 16HB FEBRUARI

### ISNIN — 11HB FEB.

**PAGI**

9.20 SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Ayer, ayer di-mana-mana 1'
Ranchangan ini menerangkan kapada murid-murid bahawa udara mengandongi ayer. Bagaimana ayer boleh terdapat di-udara ? Untok menjawap-nya perhatikan-lah perchubaan2 yang di-



**Ini-lah di-antara perchubaan2 yang di-buat oleh guru TV.**

buat oleh guru TV dalam ranchangan ini.

10.30 KAP KAP UDANG 16
Di-dalam ranchangan kali ini Che'gu Sa'diah dan murid2 akan bermain MUZIK, MEMBUAT KERJA SENDIRI, SI-MANIS, AMINAH, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Dalam HALAMAN KERJA TANGAN murid2 akan menunjokkan lukisan2 yang mereka buat.
Pesanan SI-MANIS kali ini menasehatkan supaya berpakaian kemas.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 16

### SELASA — 12HB FEB.

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUP DI-BRUNEI
'Ayer, ayer di-mana-mana 1'

10.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Sa'diah dan murid2 akan bermain PA' LONG, YANG MANA SATU GANJIL, KATA SI-MANIS, BERSENAM dan HALAMAN BERCHERITA.
Dalam ruangan YANG MANA SATU GANJIL Chegu Sa'diah akan melihatkan sa-kumpolan gambar dan murid2 akan meneka gambar mana yang ganjil dari kumpolan itu.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 17

### RABU — 13HB FEB.

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DA[N] HIDUP DI-BRUNEI
'Ayer, ayer di-mana-mana 1'

10.30 KAP KAP UDANG 18
Di-dalam ranchangan ini Che'gu S[a']diah dan murid2 akan BERMAIN [...]KUL, GAMBAR DARI RUMA[H], MAIN KUDA, HALAMAN BE[R]CHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Dalam halaman GAMBAR DARI RUMAH Che'gu Sa'diah akan melihatkan lukisan2 yang di-kirimkan oleh kanak2.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 18

### KHAMIS — 14HB FEB.

**PAGI**

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUP DI-BRUNEI
'Ayer, ayer di-mana-mana 1'

10.30 KAP KA[...]
Ranchan[...]
BOLA[...]



GAMBAR atas ia-lah ahli2 Jawatankuasa Elaun Bantuan Tibi Negeri Brunei bagi tahun 1980. Jawatankuasa yang baru itu mengandongi lapan orang ahli ia-itu terdiri dari pengerusi — Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan (di-tengah2) sementara setiausaha ia-lah Awang Haji Abdul Rahman bin Abdul Razak, Ketua Pentadbir Rumah Sakit (kanan sekali).

Ahli2 jawatankuasa ada-lah terdiri dari Yang Amat Mulia Pengiran Laila Perkasa Pengiran Haji Mohd Said bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Pehin Datu Temanggong Dato Seri Paduka Awang Lim Cheng Choo, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Latif bin Abdul Hamid, Dr. A. S. Sinnatamby, Awang John Puk dan Awang Adinin bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Awang Haji Ibrahim (tidak ada dalam gambar).

Jawatankuasa baru itu telah mengadakan sidang-nya yang pertama bagi tahun ini di-Bilek Persidangan Kelinik Dada baru2 ini.

# Harga daging ayam naik

ADA-LAH di-ma'alomkan kapada orang ramai khasnya pembeli2 di-negeri ini bahawa Pengawal Harga telah bersetuju untok menaikan harga runchit bagi daging ayam di-jual saperti berikut mulai 1hb Februari 1980.

| | Harga Runchit Lama | Harga Runchit Baru |
|---|---|---|
| DAGING AYAM | $3.40 | $3.60 |

Kenaikan harga tersebut ada-lah atas permintaan dari penternak2/penjual2 ayam di-negeri ini oleh kerana memandangkan harga2 makanan ayam telah naik di-sebabkan faktor2 yang tertentu yang mana tidak dapat di-elakkan oleh pasaran dunia pada masa ini.

# Pertandingan membacha Al-Koran bagi Pelajar2 Kelas Dewasa

KUALA BELAIT. — Pelajar2 Kelas Dewasa Lelaki Mufakat Pekan Belait akan menganjorkan pertandingan Membacha Koran pada 9hb Mach depan. Pertandingan yang di-adakan bersempena sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. itu akan di-adakan di-Dewan Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan.

Pertandingan tersebut hanya terbuka kapada pelajar2 Kelas Dewasa Koran yang berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Daerah Belait sahaja dan mereka mesti-lah warga negara Brunei yang bukan terdiri dari guru2 atau penuntut2.

Tiap2 Kelas Dewasa Koran Lelaki atau Perempuan di-bolehkan menghantar wakil-nya tidak lebeh dari tiga orang. Peserta2 yang pernah mewakili Daerah Belait ka-Pertandingan Membacha Koran Peringkat Sa-Negeri dan juga pertandingan Antara Jabatan2 Kerajaan yang beruniform tiada di-benarkan menyertai pertandingan ini.

Satu pemilehan awal akan di-buat jika terdapat ramai peserta yang akan menyertai pertandingan ini dan hanya sa-ramai enam orang peserta perempuan sahaja akan di-pileh ka-pertandingan akhir.

Borang2 penyertaan dan lain2 sharat memasoki peraduan ini boleh di-perolehi dari Awang Ismail bin Apong, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan Chawangan Belait dan Awang Mohd Wali bin Awang Hassan, Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait.

Borang2 yang telah di-isikan berserta dengan wang penyertaan sa-banyak $3.00 di-hantar sa-lewat2-nya pada hari Khamis, 14hb Februari, 1980.

# Perlawanan akhir liga bolasepak Daerah Br-Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Jabatan Ukor dan Jabatan Talikom akan bertemu dalam perlawanan akhir liga bolasepak antara Jabatan2 Kerajaan Daerah Brunei-Muara pada hari Sabtu 9hb Febuari.

Perlawanan tersebut akan di-adakan di-Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong mulai jam 4.30 petang.

Pengawal Kastam dan Eksais, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibol Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pgn Haji Abu Bakar di-jangka akan berangkat untok menyampaikan hadiah di-akhir perlawanan tersebut.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 31hb Januari, 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN:**

1. PUSU KERING — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur.
2. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier,
   b) Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.
3. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chop Chin Seng,
   No. 107, Jalan Chevalier.
   b) Leong Soon Huat,
   No. 1, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT:**

1. PUSU KERING — $4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Foh Soon,
   No. 60-A, Jalan Pretty,
2. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Yick Yuen,
   No. 3, Jalan Pretty,
   b) Choo Seng,
   No. 20, Jalan Pretty.
   c) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   d) Chin Fatt,
   No. 60-B, Jalan Pretty.
   e) Soon Soon
   No. 99-B, Jalan McKerron.
3. KACHANG TANAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Chiong Kee,
   No. 1-A, Jalan Pretty.
   b) Kok Kee,
   No. 60, Jalan Pretty.
   c) Soon Soon,
   No. 99-B, Jalan McKerron.
   d) Chin Fatt,
   No. 60-B, Jalan Pretty.

**SERIA:**

1. PUSU KERING — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Poh Sing,
   No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Yick Fatt,
   Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.
3. KACHANG TANAH — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
   a) Choo Heng & Company,
   No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Hui Guan,
   No. 48-B, Jalan Bunga Kuning.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 6hb Feb. hingga 11hb Feb. 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 6.2.1980 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 6.2.1980 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 6.2.1980 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 8.2.1980 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 8.2.1980 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 8.2.1980 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa | 9.2.1980 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 9.2.1980 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 9.2.1980 | Ahad | 11.30–12.30 T/Hari |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 10.2.1980 | Isnin | 3.00– 4.00 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 11.2.1980 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 11.2.1980 | Selasa | 10.30–11.30 „ |



BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 13 orang kakitangan Kerajaan dari tujoh buah jabatan telah menghadhiri kursus Perkhidmatan Awam sa-lama empat hari yang bermula pada hari Isnin 21hb yang lalu.

Kursus yang di-adakan di-Pusat Latehan Perjawatan itu telah di-hadhiri oleh kakitangan dari Jabatan Kastam, Bandaran, Imigeresen, Pos, Perkhidmatan dan Perubatan, Perjawatan dan Kemajuan Kerjasama.

Kursus tersebut ada-lah bertujuan untok memberi fahaman mengenai dengan peri-mustahak-nya melayan orang ramai dengan ramah-tamah dan hormat dengan kesempurnaan dan kechepatan. Dan kursus tersebut telah di-anjorkan oleh Yunit Latehan Perjawatan.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 6hb Februari, 1980

**BELIA DAN SOKAN**

# Mutu permainan pasokan kita bertambah baik




KEMUNCHULAN tiga pasokan bolasepak dari ketiga wilayah Borneo, ia-itu Brunei, Sabah dan Sarawak, untok kali kedua-nya menyertai pertandingan Piala Malaysia tahun ini bukan saperti pada tahun 1979 yang lalu.

Meskipun dalam usia yang begitu muda, kesanggupan pasokan2 dari Borneo itu untok menunjokkan kebolehan tidak seharusnya di-ambil sambil lewa saja oleh mana2 pasokan bolasepak dari Semenanjong Malaysia.

Hakikat tesebut dapat kita boktikan jika kita mengikuti kemenangan yang telah di-chapai oleh ketiga2 pasokan tersebut, walau pun ini maseh terlalu awal untok membuat sa-barang keputusan. Mithal-nya, dengan kemenangan Brunei mengalahkan Kedah yang hangat di-perbinchangkan kebelakangan ini, memboktikan yang pasokan kita Brunei boleh di-katakan handal juga. kekalahan pertama Brunei di-tangan Perak, ada-lah atas kesilapan-nya sendiri, apabila salah sa-orang pemain pertahanan-nya menyepak masok bola kejaring-nya sendiri dalam usaha hendak menghalang pemain lawan membuat perchubaan.

Dua mata yang di-perolehi Brunei mengalahkan Kedah itu, sudah chukop di-bawa pulang untok di-jadikan inspirasi dalam mengorak langkah ka-arah kejayaan yang lebeh jauh lagi.

Kekuatan Pasokan Brunei juga dapat di-gambarkan dalam pertandingan Piala Malaysia, apabila pasokan tersebut menentang pasokan dari Semenanjong Malaysia yang boleh di-katakan kuat juga, ia-itu, Melaka dan Johor yang menurunkan sedikit sa-banyak pemain2 kebangsaan-nya. Keputusan kedua2 perlawanan dengan negeri2 tersebut berakhir dengan seri (0—0). Kedua2 pertandingan itu di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, di-Ibu Pejabat Pulis, Jalan Gadong, minggu lalu.

PASOKAN SARAWAK

Sarawak yang tiba2 melompat ka-tangga kedua mengikut jumlah mata dalam pertandingan Piala Malaysia tahun ini, membayangkan saat2 ketibaan pasokan itu untok menggugat kedudokan pasokan bolasepak dari Semenanjong Malaysia.

Walau pun keputusan-nya dengan juara Piala Malaysia tahun lalu, ia-itu,Selangor di-perlawanan pembukaan di-Sarawak pada permulaan-nya yang di-anggap sa-chara kebetulan, kini terbokti dengan dua kemenangan mengalahkan pasokan Wilayah Persekutuan Pulau Pinang dan Negeri Sembilan, sudah chukup untok memboktikan kehandalan-nya.

PASOKAN SABAH

Ketangkasan pasokan Sabah pula yang mempunyai dua penyerang-nya yang bermain dalam pasokan antarabangsa, ia-itu, Hassan Sani dan James Wong di-rasakan sa-kali lagi akan menunjokkan kepakaran mereka itu.

Dan walau pun sa-takat ini pasokan Sabah hanya memperolehi enam mata sahaja dari lima perlawanan tetapi mutu permainan yang di-pertunjokkan serta semangat tidak mahu kalah dalam sa-tiap pertandingan itu memang di-akui.

Ini jelas terbokti dalam pertemuan-nya dengan pasokan Perak — hanya beberapa minit sahaja permainan hendak di-tamatkan mereka dapat menyumbat (membalas) satu gol yang bererti memberikan-nya satu mata sa-bagai ganjaran usaha mereka itu.

REKOD TAHUN INI

Sa-takat ini dapat di-rekodkan kejayaan pasokan2 bolasepak dari wilayah Borneo nyata memperolehi kemajuan dalam jangka beberapa waktu lagi mereka ikut menjadi antara pasokan2 yang di-segani dalam Piala Malaysia. Atas kegigihan dan kejayaan, sa-takat ini, dapat-lah juga kita banggakan persaingan akan bertambah dan ini akan menaikkan lagi mutu pertandingan Piala Malaysia, dan Piala Borneo, khusus-nya.





GAMBAR atas menunjokkan ketika Ali di-perkenalkan oleh Ketua Pasokan Brunei, Pengiran Tajuddin kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dengan di-perhatikan oleh Zulkifli Annis salah sa-orang pemain harapan Brunei sa-belum perlawanan antara Brunei dan Melaka di-langsongkan. Ali dengan penoh hormat lagi rendah diri berziarah kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara. Gambar bawah pula menunjokkan ketua pasokan Melaka, Soh Chin Aun di-perkenalkan kapada Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara oleh Pengurus Pasokan Melaka sambil di-perhatikan oleh Timbalan Yang Dipertua BAFA, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.



BOLA yang di-jaringkan oleh Melaka melalui Soh Chin Aun yang tidak di-kira oleh pengadil kerana Soh Chin Aun merempoh penjaga pintu gol Brunei, Ali Haji Ismail ketika bola itu sudah berada di-tangan Ali (gambar atas). Di-sepanjang perlawanan, Ali telah menunjokkan permainan yang chemerlang dan berjaya menyelamatkan beberapa serangan yang merbahaya dari Melaka. Ini mungkin menimbulkan kegeraman di-pehak lawan yang menyebabkan sekali-sekala timbul kekasaran saperti yang dapat di-lihat dalam gambar bawah. Dengan kehandalan-nya itu, Ali Haji Ismail mendapat julokan "penjaga pintu gol yang kebal." Kekuatan kubu pertahanan Brunei sa-jauh ini ternyata lebeh banyak bergantong kapada kehandalan-nya.





GAMBAR atas kelihatan pemain Brunei sedang membawa bola dan di-halang oleh tiga pemain dari Melaka (yang memakai baju baris hijau puteh) dalam pertandingan Piala Malaysia, yang telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, yang baru lalu. Gambar berikut-nya Awang Ismail Bungso sedang membawa bola di-halang oleh pasokan Johor dalam perlawanan di-antara Johor-Brunei, yang baru lalu di-tempat yang sama. Perlawanan berkesudahan dengan Brunei 0 Melaka 0 dan Brunei 0 Johor 0 (seri).

## Lumba rentas desa S.M.M.M.A.

SERIA. — Satu perlumbaan rentas desa sa-jauh tiga batu akan di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu Muhammad 'Alam, Seria sini, pada hari Sabtu 9hb Februari ini. Kira2 100 orang pelajar di-jangka akan mengambil bahagian dan perlumbaan itu akan di-mulakan pada jam 7.30 pagi di-padang sekolah tersebut.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Penyusun Pelajaran Jasmani, Daerah Belait, Awang Abdul Rahman bin Haji Mohd Ja'afar.

## Bolasepak tujoh orang sa-pasokan anjuran Jabatan Talikom

TUTONG. — Persatuan Kebajikan dan Sokan Jabatan Talikom telah mengadakan perlawanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan yang telah di-langsongkan di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim sini Ahad lepas.

Sa-banyak empat buah pasokan telah menyertai pertandingan itu, ia-itu, tiga dari ibu negeri dan satu pasokan dari Daerah Belait. Piala Rebutan dalam pertandingan ini telah sumbangkan oleh Setia Usaha Persatuan tersebut, Awang Ghafar bin Lamat.

Pada hari yang sama itu juga di-adakan satu pertandingan bolasepak antara pasokan pegawai2 kanan Jabatan Talikom dengan pasokan dari berbagai2 bahagian jabatan tersebut.

## 35 terima talipinggang judo

JALAN MUARA. — Sa-ramai 35 orang rekrut dari Pasokan Pulis Diraja Brunei telah menerima sijil2 dan talipinggang judo mereka di-satu upachara yang telah di-langsongkan di-Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara Isnin lepas.

Pemangku Pesurohjaya Pulis, Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang Charles Miller telah menyampaikan sijil2 dan talipinggang tersebut.

Sa-jauh ini lebeh 2,000 talipinggang dan sijil judo di-korniakan kapada pasokan tersebut termasok beberapa talipinggang warna hitam dan choklat.

# KAUM WANITA MEMPUNYAI PERANAN PENTING DALAM MEMBANGUN MASHARAKAT



YANG Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah beruchap sa-belum merasmikan Mashuarat Agong Persatuan PERTIWI sementara gambar bawah pula kelihatan YDM Dayang2 Diraja itu menerima sa-jambak bunga dari Yang Dipertua PERTIWI, Datin Tinah binte Abdul Rahman.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kaum wanita di-negeri ini di-seru supaya sentiasa menyedari akan peranan dan tanggong-jawab mereka terutama dalam suasana Negeri Brunei yang penoh dengan berbagai-bagai keadaan yang mungkin belum pernah di-alami oleh kaum wanita sendiri.

Hanya dengan kesedaran yang sa-demikian maka tenaga mereka itu akan dapat memberikan ma'ana dalam usaha membangun masharakat kita dewasa ini.

"Untok tujuan itu Persatuan Pertiwi ada-lah diharap akan terus memainkan peranan yang penting dalam memajukan masharakat kita Brunei Darussalam yang kita chintai ini."

Seruan tersebut telah dibuat oleh Yang Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah, isteri Penasehat Umom Kebawah DYMM ketika beruchap sa-jurus sabelum merasmikan Mashuarat Agong Pertiwi kali yang ke-11 dan Sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. yang telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada hari Ahad lepas.

Menyentoh mengenai mashuarat pada hari itu, Yang Dimuliakan Datin Rosnah selanjut-nya berkata bahawa perbinchangan2 yang di-adakan sa-umpama itu sudah tentu mendatangkan hasil yang berkebajikan kapada ahli2-nya dan di-samping itu boleh mendorong ahli2 persatuan Pertiwi supaya lebeh giat lagi dalam kerja2 untok kebaikan masharakat dalam berjenis2 bidang.

Datin Rosnah mensifatkan bahawa perhimpunan tahunan itu ada-lah merupakan satu tradisi bagi tujuan memberikan peluang kapada ahli2-nya bertemuramah serta membinchangkan kemajuan2 yang telah di-chapai dan seterus-nya meranchang usaha2 bagi masa2 yang akan datang.

Mashuarat pada hari itu telah melantek Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi persatuan itu bagi tahun 1980/81 saperti berikut:

Yang Dipertua ia-lah Datin Tinah bte Abdul Rahman; Naib Yang Dipertua — Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris; Pengerusi Tetap — Datin Hajjah Jusnanie bte Haji Lawie; Setia Usaha Tertinggi — Dayang Zaleha bte Haji Mohiddin; Penolong Setia Usaha — Datin Fatimah bte Haji Abang Razalli; Bendahari Tertinggi — Dayang Salamah bte Haji Hanifah; Penolong Bendahari 1 — Datin Zaharah bte Abang Sulong; Penolong Bendahari II — Dayang Juliana bte Karna serta 12 orang ahli2 jawatankuasa kechil.



## Titah Kebawah D.Y.M.M.

Dari muka 1

nangkan jasa2 Baginda yang sangat besar dalam menunaikan perentah Allah s.w.t. bagi menyibarkan umat Islam, maka kita dengan izin Allah s.w.t. telah beruntong kerana dapat menganut Ugama Islam dengan sa-baik2-nya," titah Baginda Yang Dipertuan

Oleh itu Baginda Yang Dipertuan mengajak umat Islam di-negeri ini supaya ugama Islam dan ajaran2-nya itu akan kita perturunkan kapada anak chuchu kita dengan chara yang berkesan agar jenerasi yang akan datang boleh menghadapi dengan jayanya segala chabaran hidup yang penoh godaan dengan izin Allah jua.

Menyentoh thema Maulud itu seterus-nya Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berpendapat ia-nya sangat bersesuaian dengan keadaan kita ketika ini yang berusaha bersunggoh-sunggoh ka-arah menyibarkan ajaran Islam di-kalangan raayat dan memberikan kesedaran yang mendalam kapada mereka.

"Bahawasa-nya ajaran2 ugama Islam itu ada-lah suatu ajaran yang boleh memandu kita ka-jalan yang bahagia dan selamat di-dunia dan akhirat, dan kita berusaha dengan giat-nya untok menghayati ajaran Islam itu sa-bagai chara hidup yang sempurna pada sa-tiap waktu", titah Baginda.

Seterus-nya Baginda Yang Dipertuan menyeru raayat negeri ini untok sama2 membangun dan memelihara negeri dan menjaga kepentingan-nya untok kesejahteraan dan keamanan serta kemakmoran raayat serta isi di-dalam-nya dengan penoh keikhlasan.

Dari muka 1

Sedangkan kita, jelas Yang Teramat Berhormat, sekarang ini memerlukan suatu pentadbiran yang lebeh chekap, dan lebeh lichin serta lebeh berseh dan jujor sesuai dengan masa depan negeri Brunei Darussalam yang penoh menempoh berbagai2 chubaan dan dugaan.

Dalam uchap2an alu2annya, Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakub bin Haji Ahmad menjelaskan bahawa dengan mengadakan perhimpunan sa-umpama itu ia-nya akan dapat menghidupkan rasa tanggong-jawab kita terhadap Ugama Islam dan di-samping itu ia-nya juga dapat mencherminkan semangat kita dengan lebeh kuat lagi terhadap ugama suchi yang di-bawa oleh Nabi Mohammad s.a.w.

Menyentoh mengenai dengan thema sambutan pada tahun ini, Awang Haji Yaakob menambah kata, ia-nya boleh menguatkan jiwa Islam dalam mempertanggong-jawabkan Ugama Islam itu untok di-jadikan sa-bagai chara hidup yang lengkap di-negeri ini.

Sambutan Maulud di-daerah tersebut telah di-sertai oleh lebeh daripada 2,000 orang yang terdiri dari murid2 dan penuntut2 sekolah, Jabatan2 kerajaan, pertubohan2 dan persatuan2 serta kampong2 dan mukim2.

## Maulud Nabi di-sambut dengan meriah

Dari muka 1

masjid dan di-sertai oleh wakil2 dari peserta2 untok membacha Asharakal Badru alaina dan di-ikuti dengan tembakan meriam sabanyak 12 das sa-baik2 saja sampai ka-perengkat Ya Habibi Ya Muhammad dalam marhaban itu.

Bachaan Doa Selamat bagi memberkati lagi perhimpunan pada pagi itu telah di-bachakan oleh Mufti Kerajaan Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Perarakan mengelilingi bandar sa-jauh tiga batu bermula kira2 jam 9.30 pagi dengan di-dahului oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, pembesar2 negara dan pegawai2 kanan kerajaan serta ahli2 Jawatankuasa sambutan Maulud.

Sementara itu, di-Daerah Temburong perhimpunan tersebut di-adakan di-Padang Pekan Bangar Baru di-mana lebeh daripada 2,000 orang telah menyertai-nya. Tetamu kehormat di-daerah itu ia-lah Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa. Yang Teramat Berhormat juga telah mengepalai perarakan mengelilingi Pekan Bangar yang mana perarakan itu di-dahului oleh persembahan pancharagam oleh penuntut2 Sekolah Menengah Melayu SMJA.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, Speaker Majlis Mashuarat Negeri telah menjadi tetamu kehormat dalam sambutan di-Daerah Belait. Perhimpunan yang di-adakan di-P a d a n g KBRC itu telah di-sertai oleh lebeh daripada lima ribu orang. Perarakan mengelilingi Pekan Belait itu telah di-dahului oleh pancharagam Sekolah Inggeris Perdana Wazir.

Manakala perhimpunan yang di-adakan di-Daerah Tutong pula telah di-sertai oleh kira2 tujoh ribu orang yang mewakili penuntut2 sekolah, persatuan2, badan2 sukarela, jabatan2 kerajaan serta pertubohan2 awam. Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah mengepalai perarakan itu yang telah di-adakan di-Padang Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain.

Thema sambutan Maulud pada tahun ini ia-lah "MENGHAYATI ISLAM DENGAN PENOH KEIKHLASAN".

**Gambar2 di-sekitar Sambutan Maulud di-ke-empat2 daerah di-siarkan di-muka 9, 10, 11 dan 12.**

## Kedai chawangan di-buka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah lagi chawangan yang kedua kedai Sharikat Kerjasama Kakitangan Kerajaan telah di-buka dan akan memulakan urusan jual-beli-nya bertempat di-rumah No. 46, Jalan Tapak Kuda berdekatan dengan gelanggang tenis di-sini.

Urusan jual-beli di-kedai itu akan di-jalankan mulai esok, Khamis, 7hb Februari antara jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Pada 15hb Nobember tahun lalu sharikat itu telah mula menjalankan urusan jual-beli kapada ahli2 dan orang ramai di-No. A5, Kompleks Beli-belah Chempaka di-Batu 1½, Jalan Tutong.

Satu kenyataan dari setia usaha sharikat memberitahu ada-lah di-harapkan ahli2 pemegang saham sharikat akan membuat urusan jual-beli mereka di-tempat2 berkenaan.

Kapada pegawai2 dan kakitangan kerajaan yang belum lagi menjadi ahli dan ingin berbuat demikian boleh-lah berhubong dengan setiausaha sharikat, Awang Harun bin Haji Ismail bagi mendapatkan borang permohonan ahli di-Jabatan Kerjasama ibu negeri bila2 masa waktu berkerja di-buka.

## Perlawanan chator

PEKAN TUTONG—Jawatankuasa Chator Daerah Tutong akan menganjorkan satu peraduan permainan chator yang terbuka kapada pendudok2 daerah tersebut.

Mereka yang ingin menyertai peraduan itu boleh mendapatkan borang2 penyertaan dari pehak penganjor dan hendak-lah dikembalikan tidak lewat dari 14hb Februari ini.

